



ANGGOTA Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL menyita sembilan barangan warga asing yang menjalankan perniagaan di sekitar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur.



DBKL sita sembilan barangan warga asing

Kuala Lumpur: Sebanyak sembilan sitaan barangan diambil terhadap warga asing yang berniaga di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini, kelmarin.

Antara barang jualan warga asing yang disita dalam operasi itu ialah sayur-sayuran serta buah-buahan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan semalam berkata, tindakan itu diambil menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar dan Pejabat Cawangan Batu.

"Hasil tindakan khas ini, sebanyak sembilan sitaan barangan jualan warga asing diambil di bawah UUK 3(1), Undang-undang Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

"DBKL juga melaksanakan satu tindakan pindah halangan di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," kata-

nya. Menurutnya, DBKL turut mengeluarkan dua notis tawaran kompaun di bawah UUK 3(1), Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

"Ia adalah bagi kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen sah.

“ Sembilan sitaan barangan jualan warga asing diambil DBKL ”

"Kami juga mengeluarkan tiga notis penguatkuasaan di bawah Seksyen 46(1)(a), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan mendirikan struktur tanpa kebenaran," katanya.

Katanya, semua barangan disita dan dipindah halangan dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, di sini, untuk rekod dan dokumentasi.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tempuan yang dikenal pasti," katanya.